

Ruj. Kami : ARB/MMD/EK021/2010/005
Tarikh : 11hb Februari 2010

Pn. Helen Koh Twee Yong
Pengarah
Perfect Will Services
50, SS22/12
Damansara Jaya
47400 Petaling Jaya
Selangor

Tel. : 03-7729 3998
Faks : 03-7729 3998

Puan,

SERAHAN KOD ETIKA PERNIAGAAN EJEN KORPORAT AMANAHRAYA DAN PERLAKSANAANNYA

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Bersama dilampirkan satu set Kod Etika Perniagaan Ejen Korporat Amanahraya (COBE) dan CD yang mengandungi 'soft copy' COBE untuk simpanan dan kegunaan pihak puan selanjutnya.

Mohon kerjasama pihak puan untuk memberikan satu salinan COBE tersebut kepada setiap wakil ejen yang dilantik oleh syarikat puan. Sila pastikan wakil-wakil dan kakitangan syarikat puan yang terlibat dalam memasarkan Wasiat AmanahRaya memahami kandungan COBE dan menandatangani deklarasi pematuhan sama ada di m/s 8 atau 9 COBE tersebut.

Sila serahkan deklarasi yang telah ditandatangani kepada Jabatan Pengurusan Pemasaran (MMD) bersama Borang Pendaftaran Ejen bagi wakil-wakil baru. Sila serahkan juga deklarasi pematuhan bagi wakil-wakil dan kakitangan sedia ada yang terlibat.


Kerjasama pihak puan dalam melancarkan pelaksanaan COBE ini amatlah diharapkan dan dihargai. Sekiranya ada pertanyaan yang berkaitan, sila hubungi Cik Nur Annisa Jaafar di talian 03-2055 7613/019-616 3759.

Wassalam, terima kasih.

Untuk dan bagi pihak,
AMANAH RAYA BERHAD



Ahmad Saruji Abdul Aziz
Ketua Pegawai Pemasaran
Amanah Raya Berhad



NAJ